

Kepada Editor,
Untuk siaran segera:

Allianz Malaysia memperkukuh kedudukan di utara dengan pembukaan cawangan baharu di Pulau Pinang

Georgetown, 30 Oktober 2025 – Allianz Malaysia Berhad (Allianz Malaysia) meraikan pembukaan rasmi cawangan baharunya di Georgetown, Pulau Pinang hari ini, sekali gus memperkukuh kedudukan syarikat di wilayah utara.

Terletak di Jalan Sultan Ahmad Shah yang berprestij di Georgetown, cawangan baharu ini merupakan pemindahan strategik dari premis sebelumnya di Jalan China.

Bertempat di sebuah bangunan warisan, cawangan baharu ini menggabungkan nilai budaya dengan kemudahan moden, menampilkan lot banglo dua tingkat seluas 9,000 kaki persegi yang dilengkapi tiga bilik latihan.

Majlis pelancaran telah dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Allianz Malaysia, Sean Wang dan Ketua Pegawai Eksekutif Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (Allianz Life), Charles Ong.

“Cawangan baharu ini mencerminkan komitmen kami terhadap pertumbuhan dan kebolehcapaian di wilayah utara, di mana kami kini berkhidmat kepada lebih 800,000 orang pelanggan,” kata Sean, yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad.

“Dengan melabur dalam bangunan warisan ini, kami bukan sahaja mewujudkan persekitaran yang lebih luas dan mudah diakses untuk pelanggan dan ejen kami, tetapi juga menghargai sejarah budaya di Pulau Pinang. Lokasi strategik ini sejajar dengan inisiatif *Beyond Central Expansion* kami, membolehkan kami memenuhi keperluan komuniti tempatan yang semakin berkembang,” tambahnya.

Cawangan baharu ini menawarkan peningkatan ketara yang direka dengan pengalaman pelanggan bertaraf dunia sebagai keutamaan. Lokasinya yang strategik di Jalan Sultan Ahmad Shah menyediakan akses yang lebih baik serta kemudahan tempat letak kereta yang mencukupi. Ruang yang luas membolehkan lebih banyak kaunter perkhidmatan, mengurangkan masa menunggu, manakala ruang rundingan yang selesa serta menjamin privasi semasa membincangkan keperluan insurans.

ALLIANZ MALAYSIA BERHAD

Level 29, Menara Allianz Sentral
203, Jalan Tun Sambanthan
Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur
Tel: 603-2264 1188/ 0688
Fax: 603-2264 1199
allianz.com.my

ALLIANZ CUSTOMER SERVICE CENTRE

ALLIANZ ARENA, Ground Floor, Block 2A
Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur
Customer Contact Center: 1 300 22 5542
Email: customer.service@allianz.com.my
AllianzMalaysia

Turut hadir dalam majlis pelancaran ialah Ketua Pegawai Kewangan Allianz Malaysia Giulio Slavich, Ketua Pegawai Kewangan Allianz General Chin Xiao Wei, Ketua Pegawai Operasi Allianz Malaysia Andrew Sim, Ketua Pegawai Operasi Allianz Life Tammy Lee, Ketua Pegawai Jualan Allianz General Horst Habbig, Ketua Pegawai Jualan Allianz Life Raymond Cheah dan Ketua Pegawai Pengurusan Pasaran Allianz Malaysia Amy Loke, serta ahli jawatankuasa pengurusan kanan lain, ejen Allianz Malaysia dan juga pelanggan.

Kemudahan baharu di Georgetown ini melengkapkan cawangan Allianz Malaysia yang sedia ada di Bukit Mertajam, memperkukuh kehadiran syarikat di Pulau Pinang.

Pengembangan ini merupakan sebahagian daripada rangkaian lebih luas Allianz Malaysia yang merangkumi 30 cawangan *One Allianz* yang terletak secara strategik di seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak sejak memulakan operasi di negara ini pada tahun 2002.

Alamat baharu cawangan Allianz Malaysia di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

No. 17A,
Jalan Sultan Ahmad Shah,
10050 Georgetown, Pulau Pinang

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Shamala Gopalan

Ketua Kumpulan
Jabatan Korporat Komunikasi
Allianz Malaysia Berhad
No. Telefon: 016.285.0685
Emel: shamala.gopalan@allianz.com.my

Gary Mark Nagan

Pengurus
Jabatan Korporat Komunikasi
Allianz Malaysia Berhad
No. Telefon: 012.367.1450
Emel: gary.nagan@allianz.com.my

Mengenai Allianz di Malaysia

Syarikat pemegang pelaburan, Allianz Malaysia Berhad, sebuah anak syarikat Allianz SE., mempunyai dua buah anak syarikat insurans - Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad ("Allianz General") dan Allianz Life Insurance Malaysia Berhad ("Allianz Life"). Allianz General adalah salah sebuah syarikat insurans am di Malaysia dan mempunyai spektrum yang meluas bagi perkhidmatan dalam produk peribadi; perniagaan perusahaan sederhana dan kecil (PKS) dan industri yang berisiko besar. Jumlah GWP untuk perniagaan insurans am untuk tahun kewangan 2024 mencapai RM3.42 bilion. Allianz Life menawarkan rangkaian komprehensif insurans hayat dan kesihatan serta produk berkaitan pelaburan dan untuk tahun kewangan 2024, Allianz Life mencatatkan GWP sebanyak RM3.83 bilion dan merupakan salah satu syarikat insurans hayat yang paling pesat berkembang di Malaysia. Allianz Malaysia mempunyai 30 cawangan di seluruh negara. Pada 2024, Allianz Malaysia Berhad telah dinamakan sebagai Penanggung Insurans Digital Terbaik oleh InsuranceAsia News in the Country Awards for Excellence 2024. Allianz General telah memenangi anugerah.

Untuk mengetahui lebih lanjut, layari allianz.com.my

Facebook: facebook.com/AllianzMalaysia/ | Instagram: instagram.com/allianzmalaysia/

LinkedIn: linkedin.com/company/allianzmalaysia/

ALLIANZ MALAYSIA BERHAD

Level 29, Menara Allianz Sentral
203, Jalan Tun Sambanthan
Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur
Tel: 603-2264 1188/ 0688
Fax: 603-2264 1199
• allianz.com.my

ALLIANZ CUSTOMER SERVICE CENTRE

ALLIANZ ARENA, Ground Floor, Block 2A
Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur
Customer Contact Center: 1 300 22 5542
Email: customer.service@allianz.com.my
f AllianzMalaysia

Mengenai Allianz

Kumpulan Allianz ialah salah satu penanggung insurans dan pengurus aset terkemuka dunia yang mengendalikan pelanggan swasta dan korporat di lebih 70 negara. Pelanggan Allianz mendapat manfaat daripada rangkaian luas perkhidmatan insurans peribadi dan korporat, daripada insurans harta, nyawa dan kesihatan kepada perkhidmatan bantuan kepada insurans kredit dan insurans perniagaan global. Allianz ialah salah sebuah pelabur terbesar dunia, menguruskan sekitar 8749 bilion euro* bagi pihak pelanggan insuransnya. Tambahan pula, pengurus aset kami PIMCO dan Allianz Global Investors menguruskan hampir 1.8 trilion euro aset pihak ketiga. Terima kasih kepada penyepaduan sistematik kriteria ekologi dan sosial kami dalam proses perniagaan dan keputusan pelaburan kami, kami adalah antara peneraju dalam industri insurans dalam Indeks Kelestarian Dow Jones. Pada 2024, lebih 156,000 pekerja mencapai jumlah pendapatan sebanyak 179.8 bilion euro dan keuntungan operasi sebanyak 16.0 bilion euro untuk Kumpulan itu.

*Setakat 30 Jun 2025.

ALLIANZ MALAYSIA BERHAD

Level 29, Menara Allianz Sentral
203, Jalan Tun Sambanthan
Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur
Tel: 603-2264 1188/ 0688
Fax: 603-2264 1199
allianz.com.my

ALLIANZ CUSTOMER SERVICE CENTRE

ALLIANZ ARENA, Ground Floor, Block 2A
Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur
Customer Contact Center: 1 300 22 5542
Email: customer.service@allianz.com.my
AllianzMalaysia